

Integrasi Ilmu Islam Dalam Pengajian Tinggi Di Malaysia: Implementasi
Di Kolej Universiti Islam Melaka
Khairul Azhar Meerangani, Adam Badhrulhisham,
Ahmad Faqih Ibrahim & Muhammad Hilmi Mat Johar

INTEGRASI ILMU ISLAM DALAM PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA: IMPLEMENTASI DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

Khairul Azhar Meerangani

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Emel: azharmeerangani@uitm.edu.my

Adam Badhrulhisham

Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka
Emel: adambadhrul@kuim.edu.my

Ahmad Faqih Ibrahim

Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka
Emel: ahmadfaqih@kuim.edu.my

Muhammad Hilmi Mat Johar

Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka
Emel: hilmi@kuim.edu.my

Corresponding Author's Email: azharmeerangani@uitm.edu.my

Article history:

Received : 24 May 2021
Accepted : 28 May 2021
Published : 31 October 2021

ABSTRAK

Integrasi pengajian Islam dengan cabang ilmu moden di Malaysia, terutamanya di peringkat pengajian tinggi sebenarnya telah bermula sejak awal tahun 60-an lagi. Perkembangan dunia semasa memerlukan individu yang holistik, seimbang dan komprehensif bagi menstrukturkan semula kekuatan dan kegemilangan umat Islam, seterusnya melahirkan generasi Muslim yang mahir dalam pelbagai cabang keilmuan. Hasrat ini telah diterjemahkan menerusi konsep modal insan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 27 Ogos 2007. Kajian ini bertujuan menganalisis implementasi gagasan integrasi ilmu dalam penawaran program akademik di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Kajian dijalankan secara kualitatif menggunakan data kepustakaan seperti artikel, buku dan dokumen berkaitan tema kajian, dan seterusnya dianalisis secara induktif bagi merumuskan implementasi gagasan integrasi ilmu di KUIM. Penawaran program pengajian berteraskan falsafah “Gerbang Pengajian Islam dan Psikologi Insan” menerusi gabungan elemen keimanan, akademik dan vokasional (duniawi dan ukhrawi) dilihat telah merealisasikan matlamat gagasan integrasi ilmu. Sasaran

melahirkan golongan yang bertaqwah dan progresif bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri Melaka yang mahukan generasi berpengetahuan dan berkebolehan dalam pelbagai bidang pengajian Islam, teknologi, sains sosial dan ilmu terkini di samping memiliki daya ketahanan tinggi bagi menangani cabaran semasa.

Kata Kunci: Integrasi Ilmu, Multidisiplin, Pengajian Tinggi, Holistik, Kolej Universiti Islam Melaka

INTEGRATION OF KNOWLEDGE IN HIGHER EDUCATION IN MALAYSIA: IMPLEMENTATION AT UNIVERSITY COLLEGE OF ISLAM MALACCA

ABSTRACT

The integration of Islamic studies with the modern knowledge in Malaysia, especially at the tertiary level has actually started since the early 60s. The development of the current world requires holistic, balanced and comprehensive individuals to restructure the strength and glory of Muslims, further producing a generation of Muslims who are skilled in various knowledge. This intention has been realized through the concept of human capital in the National Strategic Plan for Higher Education (PSPTN), launched by the Prime Minister on 27 August 2007. This study aims to analyze the implementation of the knowledge integration in the offering of academic programs at Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). The study was conducted qualitatively using library data such as articles, books and documents related to the theme of the study, and then analyzed inductively to formulate the implementation of the knowledge integration in KUIM. The offering of a program of study based on the philosophy of "Gerbang Pengajian Islam dan Psikologi" through a combination of elements of faith, academic and vocational (duniawi and ukhrawi) is seen to have realized the goal of the knowledge integration. The target in producing pious and progressive people in line with the aspirations of the Malacca Government which wants a generation that is knowledgeable and capable in various fields of Islamic studies, technology, social sciences and the latest knowledge as well as having high resilience to address current challenges.

Keywords: *Integration of Knowledge, Multidisciplinary, Higher Education, Holistic, University College of Islam Malacca*

PENGENALAN

Pendidikan merupakan suatu perkara yang amat penting dalam meningkatkan kualiti sosio-ekonomi masyarakat. Pendidikan berperanan sebagai platform

utama dalam menjana nilai keintelektualan dan ketamadunan sesebuah bangsa. Tuntutan menyuburkan pengetahuan ini sangat ditekankan oleh Islam, sehingga wahu pertama yang diturunkan telah menggariskan kepentingan pengetahuan bagi manusia. Islam sebagai satu sistem dan cara hidup yang komprehensif telah meraikan kesepaduan pendidikan yang bermanfaat bagi meneruskan kelestarian kehidupan dan pembangunan kualiti kemanusiaan. Menurut Abd. Halim El-Muhammady (1985), pendidikan bersepada merupakan satu proses mendidik dan melatih akal, jasmani dan rohani manusia berdasarkan nilai-nilai Islam. Nilai-nilai ini diproses dan dibentuk menerusi sumber wahu yang berautoriti, iaitu al-Quran dan as-Sunnah. Matlamat utama kesepaduan pendidikan ini bukan sahaja tertumpu kepada peningkatan tahap pengetahuan semata-mata, bahkan yang lebih utama bertujuan melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Bagi Shahrir Mohd Zain dan Abd. Latif (1987), pendidikan sepadu diistilahkan sebagai ‘pendidikan yang terkamir’, merujuk kepada proses pendidikan yang menekankan kepada integrasi ilmu pengetahuan yang pelbagai, dan bukannya pendidikan yang bersifat khusus dan sempit semata-mata.

Pendidikan sepadu memfokuskan jalinan hubungan manusia secara vertikal (Tuhan) dan horizontal (sesama manusia dan makhluk lain). Kesepaduan ini penting dalam memenuhi keperluan manusia secara harmonis dan seimbang, sama ada melibatkan hubungan dengan Allah SWT, dirinya sendiri, manusia lain mahupun makhluk lain di serata alam (Tajul Ariffin, 1988). Bagi Mohamad Natsir (2003), aspek tauhid merupakan tunjang utama yang melatari kerangka pendidikan dan perlu diintegrasikan pada cabang ilmu yang lain secara komprehensif. Dalam erti kata lain, tema pendidikan yang diajarkan seharusnya sesuai dan selaras dengan panduan dan kehendak Allah SWT. Falsafah pendidikan sepadu menurut Islam menekankan konsep ilmu, amal dan adab, yang dikembangkan menerusi integrasi ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah, serta ilmu aqliah dan naqliah. Pendekatan yang diimplementasikan dalam falsafah ini ialah penyaluran ilmu dimulakan daripada hati, dan kemudiannya hati inilah yang mendidik akal (Nasruddin et al., 2007). Integrasi nilai keimanan dengan keilmuan dan pemikiran manusia membolehkan kesinambungan usaha pembangunan diri, masyarakat dan alam ini diselaraskan dengan pengabdian diri kepada Allah SWT sekaligus menyempurnakan amanah sebagai khalifah di muka bumi ini (Mohd Kamal, 1985).

Integrasi pengajian Islam dengan cabang ilmu moden di Malaysia, terutamanya di peringkat pengajian tinggi sebenarnya telah bermula sejak awal tahun 60-an lagi. Abdul Shukor (2008) menyatakan umat Islam pada masa kini seharusnya bukan sahaja menguasai ilmu tradisi Islam semata-mata, bahkan turut berkepakaran dalam ilmu-ilmu moden. Perkembangan dunia semasa memerlukan individu yang holistik, seimbang dan komprehensif bagi menstrukturkan semula kekuatan dan kegemilangan umat Islam, seterusnya melahirkan generasi Muslim yang mahir dalam pelbagai cabang keilmuan. Matlamat penguasaan ilmu tradisi Islam seperti fiqh, hadis dan akidah, yang digabungkan dengan ilmu moden semasa seperti perubatan, kejuruteraan,

teknologi maklumat dan sebagainya ini telah diterjemahkan menerusi konsep modal insan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 27 Ogos 2007. Konsep modal insan yang terangkum dalam PSPTN merupakan kesinambungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bertujuan mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Zaini, 2009).

KONSEP INTEGRASI ILMU MENURUT ISLAM

Islam sebagai al-Din yang sempurna sudah tentu menawarkan penyelesaian yang terbaik dalam segenap sudut untuk manusia. Dalam Islam ilmu boleh diertikan sebagai kehadiran makna sesuatu ke dalam diri seseorang. Ilmu secara mutlaknya datang daripada Allah SWT dalam bentuk wahyu dan itulah ilmu yang hakiki. Meskipun begitu ilmu rasional dan empirikal tidak ditolak dalam Islam tetapi ianya dianggap sekadar alat menuju ke arah ilmu yang hakiki (Abdul Rahman, 2005). Justeru Islam tidak mengasingkan ilmu wahyu dengan ilmu rasional dan empirikal tetapi kedua-duanya bertindak selari. Bahkan Allah SWT telah mengingatkan kepada manusia keterkaitan ilmu sains dengan unsur *tawhid* berulang kali di dalam al-Quran antaranya:

Maksudnya: “*Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan Kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (dihadkan besi dengan keadaan Yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan agama Allah serta menolong rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.”*

(al-Hadid 57:25)

Melalui ayat ini Allah SWT menerangkan kepada manusia berkenaan besi (unsur sains) yang dikurniakan kepada manusia. Penggunaan kalimah ‘wa anzalna’ yang secara literalnya bermaksud ‘dan Kami turunkan’ jelas mempamerkan ketinggian nilai ilmiah dan sains dalam al-Quran. Sains moden telah membuktikan bahawa unsur logam bukanlah berasal dari bumi atau planet-planet lain tetapi ianya berasal dari serpihan bintang yang mengalami letupan besar (supernova) dan menjadi meteor-meteor yang bertebaran. Serpihan meteor ini telah ditarik oleh graviti angkasa pada awal pembentukan

bumi (Tety Sudiyarti et. al, 2018). Seterusnya Allah SWT menegaskan kebenaran para rasul dan sifat-sifatNya iaitu maha kuat dan maha berkuasa (unsur *tawhid*). Oleh yang demikian konsep pemisahan antara sains dan agama sememangnya tidak wujud dalam Islam. Kesepaduan atau integrasi ilmu telah pun dijelaskan dalam sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran. Pemahaman yang tuntas terhadap hakikat ini berhasil meletakkan umat Islam di kemuncak kemajuan peradaban manusia seperti yang berlaku pada khilafah Bani Umayyah di Andalusia dan Abbasiyah di Baghdad melalui proses asimilasi disiplin ilmu sains Greek dan Parsi dengan ilmu Islam (Ouided, 2015).

Walau bagaimanapun kegemilangan umat Islam kini hanya tinggal dalam lipatan sejarah. Fenomena kejatuhan Islam dan kebangkitan barat telah merubah pemahaman umat Islam terhadap konsep ini. Keadaan umat Islam yang sememangnya dimaklumi berada dalam kemerosotan pada hari ini adalah hasil perancangan dan gerak kerja yang rapi dan tersusun. Serangan pihak musuh Islam terhadap pelbagai sektor kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik telah berhasil meletakkan umat Islam dalam keadaan yang menyediahkan. Namun begitu al-Faruqi (1997) menegaskan sektor pendidikan menjadi titik utama serangan ini sehingga ia turut mempengaruhi kesemua lapangan yang lain. Menurut beliau kemunculan arus sekularisme yang berasal dari barat telah bertapak di dunia Islam khususnya melalui kegiatan imperialism barat. Kesannya bukan sahaja dirasasi daripada sudut politik sehingga negara Islam berpecah kepada lebih lima puluh negara bahkan bidang pendidikan juga menerima kesannya. Hakikat yang serupa juga digambarkan oleh al-Attas (2020) apabila beliau menegaskan punca utama keruntuhan umat Islam ialah kekeliruan dan kesalahan dalam ilmu yang berpunca daripada kehilangan *adab* (dalam erti yang lebih meluas) seterusnya memberi gambaran pandang alam (*worldview*) yang bertentangan dengan nilai Islam. Keruntuhan kuasa Islam selepas kehilangan sistem khilafah menyaksikan umat Islam berada dalam keadaan huru hara dan tercari-cari satu platform yang membolehkan mereka berdiri sama tinggi dengan barat. Keghairahan untuk bangkit semula ini malangnya mengakibatkan kebanyakan umat Islam memilih untuk ‘membaratkan’ sistem kehidupan mereka khususnya dalam kerangka epistemologi sekular yang jauh dari nilai Islam yang sebenar. Fenomena ini menjadikan aliran sekularisme mendapat tempat dalam kalangan umat Islam (Adam et. al, 2017).

Roh sekularisme bergerak ke dalam umat Islam melalui apa yang diluangkan sebagai nasionalisme. Pada abad ke-20 ledakan arus nasionalisme khususnya di Mesir mengakibatkan sistem pendidikan juga menerima tempiasnya. Meskipun semangat nasionalisme ini berhasil mendatangkan kemerdekaan kepada negara Mesir, acuan penjajah barat yang memisahkan pengajian Islam dengan ilmu sekular terus diterapkan. Institusi yang bersandarkan sistem pengajian Islam diketepikan dan ditutup segala ruang untuk bersaing dengan institusi yang berdasarkan sekularisme. Pemisahan antara sistem Islam dengan sistem ‘moden’ ini berhasil menanamkan stigma dikotomi antara Islam dan ‘kemajuan’. Al-Azhar sebagai kiblat pendidikan Islam dunia ketika itu turut terkena tempiasnya. Dalam satu sudut al-Azhar terus

mempertahankan sistem tradisional sehingga meminggirkan sistem dan pendidikan ‘moden’ dan terperangkap dalam aliran konservatif. Hal ini mengakibatkan para lulusannya dipandang sebagai tidak sepadan dengan keadaan dunia semasa sehingga mereka sukar mendapatkan pekerjaan melainkan hanya dalam aliran yang sama. Di satu pihak yang lain mereka mendakap sistem ‘moden’ sebagai kiblat dengan beranggapan sistem Islam tiada tempat dalam dunia moden. Justeru penyingkiran sistem pendidikan Islam daripada arena pendidikan semasa menghasilkan dikotomi yang ketara antara Islam dan ‘kemodenan’ (al-Faruqi, 1997).

Justeru sebagai usaha untuk menyelesaikan masalah ini Ismail Raji al-Faruqi telah memperkenalkan gagasan integrasi ilmu dalam tema Islamisasi ilmu pengetahuan (Ahmad Munawar et. al, 2015). Lebih awal lagi Syed Muhammad Naquib al-Attas telah pun menyebut berkenaan pengintegrasian ilmu atau pendidikan bersepadu apabila beliau memperkenalkan gagasan Islamisasi ilmu pengetahuan (Zetty et. al, 2019). Meskipun terdapat beberapa perbezaan dalam konsep Islamisasi ilmu al-Faruqi dan al-Attas, kedua-dua tokoh ini berkongsi pendapat dalam perkara-perkara yang mendasar seperti menolak kebebasan nilai pada ilmu, punca permasalahan umat dan kerangka epistemologi ilmu (Irma Suryani et. al, 2018). Walau bagaimanapun idea integrasi ilmu lebih sinonim dengan konsep islamisasi al-Faruqi berbanding al-Attas disebabkan perbezaan yang wujud pada pelaksanaan yang diutarakan oleh masing-masing. Menurut Ahmad Munawar (2015) integrasi merupakan salah satu komponen utama proses islamisasi ilmu menurut al-Faruqi di samping koreksi, rekonsiliasi dan orientasi. Al-Faruqi menegaskan bahawa penyatuan ilmu Islam dengan ilmu moden (sekular) perlu dilaksanakan dengan cara ‘membawa ilmu Islam kepada ilmu moden dan ilmu moden kepada ilmu Islam’ di semua peringkat pendidikan dari sekolah hingga universiti. Dengan cara ini segala kelemahan yang ada pada sistem pendidikan Islam yakni kekurangan isi dalam teks-teks kuno serta guru yang tidak berpengalaman dapat diatasi. Dalam masa yang sama peniruan, cedokan dan penyelewengan dalam sistem pendidikan sekular juga dapat diatasi (al-Faruqi, 1997).

Antara kaedah yang dicadangkan bagi merealisasikan agenda ini ialah mewajibkan subjek Tamadun Islam yang sebelum ini hanya dikhususkan kepada pelajar jurusan agama; kepada semua pelajar di universiti dengan tidak mengira bidang yang diambil. Pewajiban mempelajari ilmu ketamadunan Islam amat penting bagi mengukuhkan jati diri seorang muslim dan berupaya mengikis kekaguman terhadap barat (al-Faruqi, 1997:17). Selain itu ilmu-ilmu yang disifatkan sebagai ilmu moden atau ilmu dunia atau ilmu sekular perlu di’islam’kan. Ianya bertitik tolak daripada masalah kekurangan ahli cendikiawan muslim yang benar-benar mahir dalam bidang ilmu moden. Keadaan ilmu moden yang rata-rata dikuasai oleh ahli akademik barat akan menjadikan umat Islam sentiasa berkiblatkan barat dalam era moden. Justeru disiplin-disiplin ilmu moden perlu disesuaikan dengan visi Islam dan menjelaskan hubungkaitnya dengan bidang utama Islam seperti mana yang pernah dilakukan oleh ilmuwan-ilmuwan Islam pada satu masa dahulu (al-Faruqi, 1997:21). Langkah ini meskipun dilihat mampu menyelesaikan masalah

dikotomi ilmu, ianya bukanlah satu tugas yang mudah. Sekiranya dilaksanakan tanpa perancangan yang rapi dan visi yang jelas dikhuatiri hanya penempelan ilmu Islam ke dalam ilmu moden yang akan berlaku tanpa memahami kerangka islamisasi yang sebenar (Irma Suryani et. al, 2018). Kebimbangan inilah antara lain perkara yang membezakan gagasan islamisasi al-Faruqi dengan al-Attas. Namun ianya bukanlah perbincangan yang ingin diketengahkan dalam makalah ini.

Secara ringkasnya kaedah integrasi yang dikemukakan oleh al-Faruqi menekankan kesepadan ilmu wahyu iaitu ilmu agama dengan ilmu moden berlandaskan semangat *tawhid*. Ini bermaksud dengan kesepadan ini segala ilmu-ilmu moden seperti Sains, Matematik, Bahasa, Sejarah dan lain-lain perlu difahami berlandaskan prinsip *tawhid* sekaligus membolehkan seseorang itu menguasai ilmu-ilmu moden tanpa memisahkannya dengan ilmu Islam (Ahmad Munawar et. al, 2015). Integrasi ilmu dalam Islam perlu didasari oleh unsur *tawazun* (keseimbangan) dan *rabbani* (ketuhanan) bagi membentuk pandang alam (*worldview*) yang bersifat integral dalam persoalan dunia dan agama. Keseimbangan yang dimaksudkan termasuklah prinsip hukum sebab-akibat (*causality*) yang menjadi asas sains tabi'i dengan struktur iman dan kepercayaan kepada Rabb al-Jalil iaitu Pengusa dan Pentadbir alam yang sebenarnya (Abdul Rahman, 2005). Cetusan idea kesepadan ilmu pengetahuan ini seterusnya dikembangkan di serata dunia termasuk Malaysia. Menurut Yahya Jusoh (2010) langkah perubahan kurikulum pendidikan berlandaskan falsafah al-Quran dan al-Sunnah telah dilakukan di Malaysia melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam proses pembelajaran khususnya pada peringkat sekolah rendah dan menengah dengan objektif melahirkan individu yang mempunyai kekuatan rohani dan akhlak dan berdaya saing serta cekap menangani cabaran semasa.

PERKEMBANGAN INTEGRASI ILMU ISLAM DALAM PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

Menurut Norazmi (2016), integrasi ilmu agama dengan disiplin ilmu moden di peringkat pengajian tinggi secara sistematis di Malaysia bermula pada tahun 60-an dengan penubuhan Jabatan/Bahagian Pengajian Islam di Universiti Malaya (UM). Ianya disusuli dengan penubuhan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menawarkan bidang pengajian Islam. Selain itu penubuhan beberapa institut pengajian tinggi berteraskan Islam seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM; kini Universiti Sains Islam Malaysia) dan lain-lain semakin merancakkan arena pengajian tinggi Islam dalam negara. Kewujudan universiti dan jabatan pengajian Islam ini akhirnya membolehkan kursus pengajian Islam digabungkan dengan disiplin ilmu moden seperti ekonomi, teknologi maklumat, perniagaan, pengurusan dan lain-lain. Pendekatan integrasi ilmu agama dengan ilmu moden dilaksanakan di hampir semua institusi pengajian tinggi yang berteraskan Islam atau mempunyai bahagian/fakulti/jabatan pengajian Islam dengan dua cara iaitu secara langsung (*directly*) dan tidak langsung (*indirectly*).

Integrasi Ilmu Islam Secara Langsung

Akademi Pengajian Islam UM (APIUM) misalnya membumikan gagasan integrasi ilmu dengan memperkenalkan program pengajian yang menggabungkan kedua-dua elemen secara jelas melalui transformasi fasa ketiga. Pada fasa ini APIUM memperkenalkan program gabungan secara langsung seperti Sarjana Muda Syariah dengan pengkhususan politik, ekonomi atau astronomi dan Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains dengan pengkhususan bioteknologi, genetik dan biologi molekul, sains biokesihatan, sains pengurusan alam sekitar dan fizik. Di samping itu APIUM juga menawarkan program minor pengajian Islam kepada pelajar fakulti lain di UM (Ruzman, 2015).

Manakala usaha integrasi ilmu di Malaysia berskala besar dapat dilihat dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). UIAM yang dilihamkan oleh kerajaan Malaysia hasil daripada Konferensi Pendidikan Islam di Mekah pada 1977 yang menekankan keperluan islamisasi ilmu pengetahuan khususnya dalam arena pengajian tinggi. Bagi merealisasikan gagasan ini UIAM ditubuhkan di Malaysia pada 1983 dengan pendekatan menerapkan roh Islam dalam segenap sudut meliputi pentadbiran, seni bina dan proses pembelajaran dan pelaksanaan dengan memfokuskan usaha islamisasi ilmu dan integrasi ilmu dan nilai. Usaha integrasi ilmu jelas dapat dilihat di UIAM melalui penggunaan istilah bahasa Arab yang mencerminkan agama Islam secara meluas seperti penggunaan *kulliyyah* mengantikan fakulti. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantaranya sesuai dengan status bahasa antarabangsa dan bahasa Arab yang mencerminkan nilai Islam sebagai bahasa rasmi universiti juga mencerminkan usaha integrasi ilmu di UIAM (Ahmad Nabil, 2019).

Menelusuri perkembangan arena pendidikan sehingga kini, usaha integrasi ilmu secara langsung terus dijalankan pada peringkat pengajian tinggi dengan penubuhan banyak institusi pengajian tinggi swasta seperti Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (KUSZA; kini Universiti Sultan Zainal Abidin UNISZA), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan banyak lagi. Pelbagai program berunsurkan penggabungan langsung unsur moden dan Islam ditawarkan misalnya Sarjana Muda Usuluddin dan Multimedia, Sarjana Muda Syariah dan Industri Halal, Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan Multimedia serta banyak lagi. Dari satu sudut kemunculan institusi pengajian tinggi dengan model integrasi ilmu ini boleh dikatakan merupakan kesan daripada pelaksanaan integratif UIAM (Ahmad Nabil, 2019).

Integrasi Ilmu Islam Secara Tidak Langsung

Integrasi ilmu moden dengan ilmu Islam juga berlaku secara tidak langsung pada peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Pendekatan integratif secara tidak langsung ini berlaku apabila ilmu dan nilai Islam diterapkan kepada para pelajar disiplin ilmu moden. Dari sudut pengajaran dan pembelajaran, kursus Tamadun

Islam dan Tamadun Asia (TITAS) mula diperkenalkan pada tahun 1983 hasil idea dan saranan Perdana Menteri ketika itu. Kursus TITAS menjadi syarat wajib bergraduat bagi semua pelajar beragama Islam mahu pun bukan Islam. Pengajaran kursus ini mampu menanamkan jati diri Islam ke dalam diri pelajar Muslim bagi mengembalikan perasaan '*izzah Islamiyah*' bagi mengelakkan mereka terus berkiblatkan barat. Dalam masa yang sama kursus ini juga berpeluang menerangkan kepada pelajar bukan Islam tentang hakikat di sebalik imej negatif yang ditempelkan kepada Islam seperti keganasan, diskriminasi wanita, kemunduran, kemiskinan dan sebagainya (Norazmi, 2016). Secara tidak langsung, hubungan antara masyarakat pelbagai etnik dan budaya juga mampu diharmonikan, terutamanya apabila segala salah faham dan kekeliruan yang berlaku dapat dijernihkan.

Gagasan integrasi ilmu Islam dan ilmu moden ini tidak hanya tertumpu pada IPTA semata-mata, bahkan turut dikembangkan pelaksanaannya oleh IPTS di Malaysia. Hasrat melahirkan graduan yang holistik dan seimbang ini menjadi agenda utama bagi setiap IPT, bagi memenuhi pasaran kerjaya yang kompetitif. Hal ini kerana calon-calon yang mempunyai latar belakang pengajian Islam dilihat mempunyai pilihan terhad terhadap program-program yang ditawarkan di IPT. Maka, menerusi penawaran program yang bertunjangkan integrasi ilmu Islam dan ilmu moden, para pelajar mampu melengkapkan diri mereka dengan cabang ilmu yang komprehensif, seterusnya mewujudkan daya saing yang tinggi dalam pasaran kerja semasa. Era globalisasi memerlukan graduan yang bukan sahaja mahir dengan teori ilmu dan nilai etika semata-mata, bahkan turut menguasai pelbagai disiplin ilmu dan kemahiran semasa (Norazmi et.al, 2016). Sokongan kuat daripada pihak berkepentingan seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan penggerak industri perlu diberikan kepada IPT yang terlibat, terutamanya IPTS untuk mengembangkan gagasan integrasi ilmu ini dalam penawaran kurikulum program mereka. Usaha ini dilihat mampu memberi kesan positif kepada para pelajar dalam membina kekuatan dan kemahiran kendiri semasa pengajian, seterusnya menjadikan mereka lebih bersedia menghadapi pelbagai cabaran selepas tamat pengajian kelak.

Latar Belakang Penubuhan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

Kolej Universiti Islam Melaka atau lebih dikenali sebagai KUIM merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi milik penuh Kerajaan Negeri Melaka yang ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996. Usaha Kerajaan Negeri yang komited dalam memacu kecemerlangan pendidikan seiring dengan matlamat Melaka Maju 2010 menyaksikan KUIM telah dinaik taraf daripada Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka (KTIAM) menjadi Kolej Universiti pada 1 Julai 2009 oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. KUIM telah membuat satu anjakan paradigma dalam memperkenalkan wadah baru pendidikan, iaitu kombinasi bidang pengajian Islam diintegrasikan dengan bidang sains dan diterapkan dengan disiplin psikologi seiringan. Sebagai usaha untuk penjenamaan semula, maka KUIM telah meletakkan niche-areanya dalam bidang psikologi yang mana ia merupakan kolej universiti Islam swasta pertama

di Malaysia yang membangunkan struktur pengajian yang memfokuskan bidang psikologi di peringkat ijazah. Inisiatif ini sebagai intervensi mengurangkan permasalahan psikologi dalam kalangan individu dan komuniti di samping memenuhi permintaan tenaga kerja di pelbagai sektor awam dan swasta.

Selaras dengan itu, KUIM terus menggorak langkah sebagai “Gerbang Pengajian Islam dan Psikologi Insan” bersandarkan misi dan visi yang jelas bagi mendepani pelbagai cabaran dan perubahan. Falsafah pengajian yang menggabungkan unsur-unsur keimanan, akademik dan vokasional (duniawi dan ukhrawi) bagi melahirkan golongan yang bertaqwah dan progresif bertepatan dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Negeri Melaka yang mahukan generasi berpengetahuan dan berkebolehan dalam pelbagai bidang pengajian Islam, teknologi, sains sosial dan ilmu terkini di samping memiliki daya ketahanan tinggi bagi menangani cabaran semasa. Dalam usaha memastikan KUIM terus cemerlang seiring dengan motto yang dibawa “Kualiti Teras Kejayaan” maka program-program yang ditawarkan merentasi pelbagai disiplin ilmu termasuk pengajian Islam, pengajian perniagaan, perbankan Islam, undang-undang syariah, kejururawatan, bioteknologi dan teknologi maklumat. Penawaran program yang berdaya saing dan kompetitif ini telah menerima pengiktirafan dan memenuhi perakuan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Pengantarabangsaan KUIM melalui jaringan akademik dalam dan luar negara boleh dibanggakan apabila KUIM kini memiliki pelajar antarabangsa dari Kemboja, Sri Lanka, Singapura dan Indonesia yang bertambah dari tahun ke tahun. Malah penghantaran pelajar-pelajar KUIM yang melanjutkan pengajian ke Mesir, Jordon, Morocco dan lain-lain negara di Timur Tengah sangat menggalakkan. Dengan prestasi dan pencapaian KUIM yang sangat membanggakan, KUIM bertekad dan terus komited untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf antarabangsa Islam, sains dan teknologi. Dengan prestasi dan pencapaian KUIM yang berkembang dari tahun ke setahun, KUIM bertekad dan terus komited menuju status universiti penuh tahun 2021 dan menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf antarabangsa islam, sains serta teknologi. Keyakinan KUIM untuk dinaiktaraf sebagai status universiti penuh ini adalah didorong oleh faktor kepakaran tenaga pengajar, keupayaan tenaga akademik menjalankan projek R&D, kesediaan kemudahan dan prasarana yang lengkap, kecekapan tadbir urus yang efisyen dan sumbangan KUIM kepada kemajuan negeri Melaka dan pembangunan negara Malaysia.

Implementasi Integrasi Ilmu Islam Dalam Sistem Pengajian di KUIM

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah beberapa kali melaksanakan langkah reformasi pendidikan bertujuan menambahbaik dan meningkatkan lagi kualiti dan kemampuan sistem pendidikan nengara dalam memenuhi keperluan semasa dan menangani cabaran masa hadapan (Nik Azis, 1994). Kemuncak kepada usaha ini adalah menerusi perubahan matlamat sistem pendidikan negara berorientasikan ketuhanan (rabbaniyyah) dengan penekanan kepada elemen rohani, nilai, akhlak dan agama sebagai teras utama. Inisiatif ini merupakan suatu nilai tambah kepada matlamat sedia ada yang dilihat terlalu

menumpukan kepada aspek perkembangan intelek semata-mata (Shahrin dan Mohd Arip, 2002). Perkembangan pengurusan sistem akademik yang semakin berkembang di Malaysia, sama ada di IPTA maupun IPTS telah menjadi platform penting bagi mengetengahkan gagasan integrasi ilmu ini. Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) menjadi salah satu institusi pendidikan swasta yang mendepani usaha mengintegrasikan ilmu menerusi kesepaduan antara ilmu agama dan ilmu moden meliputi bidang sains dan kemanusiaan.

Menurut Tajul Ariffin (2002), konsep integrasi atau kesepaduan ilmu ini terbahagi kepada dua pendekatan, iaitu kesepaduan intra dan kesepaduan inter. Kesepaduan intra merujuk kepada integrasi pelbagai komponen ilmu dalam struktur sesebuah program akademik bagi merealisasi empat agenda utama, iaitu kefahaman tasawwur Islam yang jelas, integrasi ilmu Islam dengan ilmu moden, praktikaliti yang benar dan relevan, serta peribadi yang seimbang dan harmoni. Kesepaduan inter pula dilaksanakan menerusi penghayatan nilai keilmuan Islam dalam kurikulum mata pelajaran lain. Pendekatan ini bertujuan memastikan maklumat yang diperoleh dan ilmu yang dipelajari berdasarkan kerangka epistemologi ilmu berpaksikan prinsip tauhid. Pelaksanaan sistem akademik di KUIM secara langsung dilihat memenuhi gagasan integrasi ilmu, sama ada secara intra maupun inter. Hal ini dapat dilihat menerusi penawaran program-program yang kompetitif oleh fakulti sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda maupun Diploma.

Integrasi Ilmu Islam Secara Inter

Integrasi ilmu secara inter di KUIM dilaksanakan menerusi penawaran kursus Wajib Kolej Universiti (WKU) dan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU). Kursus Wajib Kolej Universiti (WKU) merupakan kursus teras universiti yang ditawarkan kepada semua pelajar yang mengikuti program diploma atau ijazah sarjana muda di KUIM. Kursus ini ditawarkan bagi memenuhi misi dan visi KUIM sebagai satu pusat pengajian tinggi yang mengintegrasikan duniawi dan ukhrawi. Kursus ini terbahagi kepada tiga komponen iaitu Bahasa, Agama dan Psikologi. KUIM mewajibkan para pelajarnya mengambil subjek seperti Fiqh Ibadah, Akidah dan Akhlak, Tilawah al-Quran dan Bahasa Arab sebagai syarat wajib untuk bergraduasi. Sekiranya program yang ditawarkan mengkhusus kepada salah satu komponen kursus WKU, program tersebut boleh menggugurkan kursus dari komponen tersebut dan memilih kursus dari komponen lain.

Matapelajaran Wajib Kolej Universiti (WKU) diklasifikasikan kepada tiga komponen :



Rajah 1: Senarai Matapelajaran Wajib Kolej Universiti (WKU) di KUIM

Melalui gambar rajah di atas, terbukti konsep integrasi ilmu yang diamalkan di peringkat KUIM meliputi segenap aspek dan tidak terbatas hanya kepada pengajian ilmu agama sahaja, bahkan ilmu pengetahuan moden seperti psikologi dan penguasaan bahasa Inggeris. Bagi matapelajaran tilawah Al-Quran, ia wajib diambil bagi pelajar yang mengikuti program berlandaskan pengajian Islam sebagai syarat asas untuk memasuki program tersebut pada semester 1 pengajian dan hanya dinilai sebagai memuaskan atau tidak memuaskan sahaja. Hal ini membuktikan dalam menelusuri pengajian-pengajian ilmu kontemporari, Ilmu agama tetap menjadi asas dan nadi kepada sistem pendidikan di KUIM seiring dengan matlamat KUIM iaitu melahirkan pelajar atau insan yang bertaqwa di samping berilmu pengetahuan.

Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) pula merupakan inisiatif pihak KPT bagi menambahbaik struktur Mata Pelajaran Wajib supaya lebih berstruktur, berteraskan cabang falsafah ilmu melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial. Struktur baharu MPU ini dilihat mampu melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah, bagi memenuhi kebolehpasaran kerja semasa. MPU adalah salah satu daripada 10 strategi lonjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dengan penekanan kepada strategi Lonjakan 1, iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Bagi mencapai aspirasi Lonjakan 1 ini, graduan perlu didedahkan dengan kemahiran ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran

global, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi, serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika. Pelaksanaan MPU di KUIM ditawarkan menerusi empat teras utama sebagaimana yang dijelaskan dalam jadual berikut :

Jadual 1: Senarai Matapelajaran Pengajian Umum di KUIM

Teras	Konsep	Subjek
U1	Penghayatan Falsafah, Nilai dan Sejarah	Pengajian Malaysia; Tamadun Islam dan Tamadun Asia; Hubungan Etnik
U2	Penguasaan Kemahiran Insaniah	Apresiasi Teknologi Maklumat; Fiqh Ibadah; <i>Leadership and Creative Thinking</i> ; Kaedah Penyelesaian Masalah; Keusahawanan
U3	Peluasaan Pengetahuan Tentang Malaysia	Internet dan Penerbitan Web; Undang-undang Pekerjaan di Malaysia; Asas Pengurusan Kewangan; Islam dan Ideologi Semasa; Etika dan Moral; Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Malaysia; Akidah dan Isu-Isu Semasa; <i>Cultural and Heritage Tourism</i>
U4	Kemahiran Pengurusan Masyarakat	Keterlibatan Komuniti

Integrasi Ilmu Islam Secara Intra

Integrasi ilmu secara intra di KUIM dilaksanakan menerusi penawaran program-program tertentu berkonsepkan integrasi ilmu, sama ada di peringkat diploma mahupun ijazah sarjana muda. Selain didedahkan dengan konsep integrasi ilmu menerusi WKU dan MPU, beberapa program di KUIM juga dilihat telah mengetengahkan idea gagasan integrasi ilmu ini secara langsung menerusi struktur subjek yang disusun dalam program tersebut. Fakulti Keilmuan Islam (FKI) sebagai contoh, telah menawarkan tiga program di peringkat diploma dan dua program di peringkat ijazah sarjana muda bagi merealisasikan gagasan integrasi ilmu ini. Begitu juga dengan dua program di Fakulti Undang-undang (FUG), Governan dan Hubungan Antarabangsa, serta satu program di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi (FIPT). Struktur kurikulum akademik dalam setiap program ini dilihat telah menekankan konsep integrasi ilmu bagi melahirkan graduan yang lebih holistik, seimbang dan berdaya saing bagi mendepani cabaran semasa.

Jadual 2: Senarai Penawaran Program Berkonsepkan Integrasi Ilmu di KUIM

Fakulti	Program	Subjek
FKI	Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan Islam	Psikologi Organisasi ; <i>Advance Arabic</i> ; Islamic Epistemology; Teori Pengurusan Islam; Asas Ekonomi Islam; Pengurusan Faraid dan Wasaya; Pengurusan Kewangan Islam; Pengurusan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan; Pengajian Syariah; Teori Perkembangan Islam; Teori Pengurusan Islam; Politik Pembangunan Negara Islam; Pengurusan Wakaf, Takaful dan Zakat
	Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam	Metodologi Perundangan Islam, Objektif Perundangan Islam, Pengajian Syariah, Sistem Kewangan Islam, Maqasid Syariah dalam Kewangan Islam, Pengurusan Wakaf, Produk Perbankan Islam, Asas Ekonomi Islam, Sistem Takaful, Pengurusan Harta Pusaka, Pasaran Modal Islam, Institusi dan Aspek Perundangan dalam Kewangan Islam
	Diploma Pengurusan Islam	Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith; Fiqh Muamalat; Kaedah Fiqh; Pentadbiran Awam; Prinsip Pengurusan; Komunikasi Perniagaan; Pemakanan dalam Islam ; Pengurusan Perbankan Islam; Psikologi Islam; Undang-undang Perniagaan; Teknologi Maklumat; Gelagat Organisasi; Pengurusan Aset Islam; Hal Ehwal Pengurusan Islam di Malaysia
	Diploma Kewangan Syariah	Fiqh Muamalat; Asas Ekonomi Islam; Asas Kewangan Islam; Perbandingan Pasaran Kewangan; <i>Resurfacing</i> ; Prinsip Pemasaran; Takaful dan Insurans; Pengurusan Perbankan; Pengurusan Perakaunan; <i>Qawaaid Fiqhiyyah</i>
	Diploma Pengajaran Islam dan Pengurusan Sumber Manusia	Fiqh Muamalat; Dakwah Psikologi; Komunikasi Islam; Pengurusan Sumber Manusia; Perbandingan Agama; Pidato dan Debat; Politik Islam; Bimbingan dan Kaunseling; Prinsip Pengurusan; Teknologi Maklumat; Usul & Kaedah Fiqh; Metodologi Dakwah; Sosiologi Islam; Perakaunan Kewangan; Gelagat Organisasi
FUG	Sarjana Muda Perundangan Syariah	Sistem Perundangan Malaysia; Kajian Teks Syariah; Ekuiti dan Amanah; Prosedur Sivil; Penyelesaian Pertikaian Alternatif; Ayat Dan Hadis Ahkam; Maqasid Syariah; Qawaaid

		Fiqhiyyah; Kemahiran Syariah dan Kesedaran Sosial; Sistem Guaman Dan Kehakiman Syarie; Kaedah Penyelidikan Undang-Undang
	Diploma Perundangan Syariah (FUG)	Pengantar Syariah; Sistem Perundangan Syariah ; Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia.; Usul dan Kaedah Fiqh ; Undang-undang Kontrak; Undang-Undang Keterangan; Fiqh Mirath; Undang-Undang Tort; Undang-Undang Perlembagaan; Pentadbiran Harta Orang Islam; Fiqh Jinayah; Undang-Undang Keluarga Islam ; Fiqh Qada'; Undang-Undang Perbankan Islam dan Takaful; Undang-Undang Jenayah
FIPT	Sarjana Muda Perbankan Islam & Takaful	Sistem Kewangan Islam, Pengajian Usul Fiqh, Bahasa Arab Asas, Pengurusan Wakaf, Asas Ekonomi Islam, Prinsip & Amalan Institusi Takaful, Undang-undang Perbankan Islam, Pengurusan Harta Pusaka, E-dagang dari Perspektif Islam, Pasaran Modal Islam3

Senarai subjek yang dinyatakan dalam setiap program secara umumnya dilihat telah memenuhi aspirasi gagasan integrasi ilmu. Pelaksanaan ini penting bukan sahaja dalam aspek penawaran program yang berdaya saing dan memenuhi keperluan pasaran, bahkan yang lebih utama adalah melahirkan para graduan yang holistik dan seimbang, seterusnya mempunyai kekuatan, kemahiran dan kepakaran yang ampuh bagi mendepani cabaran semasa. Semakan dan kajian semula yang dilaksanakan secara berkala melibatkan pakar akademik dan pengamal industri dilihat mampu meningkatkan lagi kualiti setiap program akademik yang ditawarkan, seterusnya menjadi nilai tambah dalam merancakkan program-program berteraskan gagasan integrasi ilmu di peringkat pengajian tinggi.

KESIMPULAN

Penawaran program berteraskan gagasan integrasi ilmu Islam dan ilmu moden di peringkat pengajian tinggi masa kini tidak hanya tertumpu pada IPTA semata-mata, bahkan turut dikembangkan pelaksanaannya oleh IPTS di Malaysia. Hasrat melahirkan graduan yang holistik dan seimbang ini menjadi agenda utama bagi setiap IPT, bagi memenuhi pasaran kerjaya yang kompetitif. Era globalisasi memerlukan graduan yang bukan sahaja mahir dengan teori ilmu dan nilai etika semata-mata, bahkan turut menguasai pelbagai disiplin ilmu dan kemahiran semasa. Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) sebagai salah sebuah IPTS milik penuh kerajaan Melaka dilihat turut terkehadapan dalam merealisasikan gagasan integrasi ilmu ini. Program pengajian yang ditawarkan

menerusi teras “Gerbang Pengajian Islam dan Psikologi Insan” merentasi pelbagai disiplin ilmu mampu memenuhi hasrat yang disasarkan, iaitu melahirkan generasi berpengetahuan dan berkebolehan dalam pelbagai bidang pengajian Islam, teknologi, sains sosial dan ilmu terkini di samping memiliki daya ketahanan tinggi bagi menangani cabaran semasa.

RUJUKAN

- Abdul Halim, R. (1999). Pengislaman Ilmu: Suatu Perspektif. *Jurnal Fikrah*, 2, h. 207-215.
- Abdul Halim el-Muhammady. (1985). *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas dan Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Adam Badhrulhisham dan Mohamad Firdaus Mohd Is. (2017). Islamisasi Negara Malaysia Dalam Konteks Gagasan Islamisasi Ilmu Syed Muhammad Naquib al-Attas: Satu Tinjauan. *Jurnal Ulwan* 2(1). h. 189-203
- Ahmad Munawar Ismail dan Kamal Radiman. (2015). Aplikasi dan Pelaksanaan Integrasi Ilmu Dalam Pendidikan Islam: Pengalaman Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(2). h. 51-59
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Visi dan Halatuju Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Satu Analisis. *Borneo International Journal of Islamic Studies* 2(1). h. 23-40
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2020). *Islam dan Sekularisme*. terj. Khalif Muammar A. Harris. Kuala Lumpur: RZS-CASIS.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. (1997). *Pengislaman Ilmu*. terj. Mustafa Kasim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irma Suryani Siregar dan Lina Mayasari Siregar. (2018). Studi Komperatif Pemikiran Ismail Raji al-Faruqi dan Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Jurnal al-Hikmah* 15(1). h. 80-93
- Mohd Sufiean Hassan, Abdul Wahid Sulaiman, Mohd Sabree Nasri dan Ahmad Faqih Ibrahim. (2019). *25 Tahun Jubli Perak Penubuhan Kolej Universiti Islam Melaka*. Melaka: Penerbit KUIM.
- Mohd Arip Kasmo. (2002). *Pembangunan Manusia Menerusi Penghayatan al-Quran: Harapan dan Cabaran*. Prosiding, Seminar Pendidikan dan Pembangunan Manusia.
- Norazmi Anas, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Nurul Hidayah Aziz, Amin Haji Che Ahmat, Muhd Imran Abd. Razak dan Ahmad Fadhir Mat Dahan. (2016). Islamisasi & Integrasi Ilmu Dalam Pengajian Islam: Senario Semasa Pengajian Tinggi Negara. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 3(1), h. 1-15.
- Ouided Sekhri. (2015). The Integration of Knowledge: Concept and Challenges. *Majallah al-Mi'yar* 40(2). h. 3-16.

Integrasi Ilmu Islam Dalam Pengajian Tinggi Di Malaysia: Implementasi
Di Kolej Universiti Islam Melaka
Khairul Azhar Meerangani, Adam Badhrulhisham,
Ahmad Faqih Ibrahim & Muhammad Hilmie Mat Johar

- Ruzman Md Noor, Rahimin Affandi Abd Rahim, Muhammad Kamil Abd Majid, Abdul Karim Ali, Nor Adina Abd Kadir, Syed Mohd Jefri Syed Jaafar dan Nor Hidayah Yusof. (2015). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Kemanusiaan* 22(1). h. 1-20.
- Tety Sudiarti, Gina Giftia A. Delilah dan Rohmanur Aziz. (2018). Besi dalam al-Quran dan Sains Kimia (Analisis Teoritis dan Praktis Mengenai Besi dan Upaya Mengatasi Korosi pada Besi). *Al-Kimiya* 5(1). h. 7-16.
- Tajul Ariffin Nordin & Abdul Raop Dalip. (1986). *Pendidikan Sepadu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad. (2010). Kesepaduan Falsafah Sains al-Quran Dalam Kurikulum Sekolah Rendah Sebagai Asas Pembentukan Masyarakat Hadhari di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 3, h. 23-41.
- Zetty Nurzuliana Rashed dan Siti Suhaila Ihwani. (2019). Konsep Integrasi Ilmu Menurut Perspektif Barat dan Islam. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 6(1). h. 15-27